

No. Soalan : 462

PR-1341-T73405

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BERTULIS
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB BERTULIS

DARIPADA : DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
[INDERA MAHKOTA]

SOALAN : Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kedutaan Malaysia di luar Negara, bagi menangani berita-berita buruk dan negatif yang tersiar oleh media-media cetak dan eletronik perdana di negara-negara barat dan timur, khususnya di negara-negara maju seperti USA, Canada, U. Kingdom, Australia berkenaan isu-isu tertentu seperti Derma USD 2.6 billion, 1MDB dan lain-lainnya. Berita-berita perdana di negara-negara ini sangat berpengaruh di negara masing-masing dan berita-berita yang dibawa mereka akan mendatangkan kesan negatif kepada keyakinan masyarakat antarabangsa terhadap Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Indera Mahkota di atas soalan tersebut.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Luar Negeri sentiasa prihatin dan peka dalam memantau laporan-laporan media mengenai Malaysia yang diterbitkan oleh media-media cetak dan elektronik di luar negara. Semua Perwakilan Malaysia memainkan peranan penting dalam meneliti dan melaporkan liputan atau laporan mengenai Malaysia yang diterbitkan oleh media-media di negara tuan rumah.

3. Antara usaha yang dilaksanakan adalah melalui edaran garis panduan dan nota-nota percakapan yang berkaitan isu-isu semasa yang mendapat liputan meluas daripada pihak media dan ke semua Perwakilan Malaysia dengan kadar segera. Perwakilan Malaysia juga disarankan menggunakan garis panduan dan nota percakapan ini untuk menjelaskan kedudukan sebenar sesuatu isu berdasarkan perspektif Kerajaan Malaysia terutamanya dalam usaha mematahkan tuduhan dan tohmahan yang tidak berasas.

4. Sekiranya terdapat liputan atau laporan berita media asing yang kontroversi dan menjejaskan imej negara, Kementerian Luar Negeri dengan kerjasama Perwakilan Malaysia yang ditauliahkan ke negara berkenaan akan memberi maklum balas dengan tujuan menjelaskan

kedudukan yang sebenar serta memohon media yang terlibat untuk menerbitkan penjelasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Selain itu, usaha menjalinkan hubungan mesra dengan wakil-wakil media asing juga dilaksanakan, terutamanya media asing yang didapati sering menyiarkan liputan negatif dan bersifat berat sebelah terhadap Kerajaan Malaysia. Melalui hubungan yang baik, diharapkan agar laporan media-media ini lebih seimbang dan telus.

6. Satu lagi usaha yang dilaksanakan adalah dengan menggalakkan para pelajar Malaysia dan rakyat Malaysia yang bermastautin di luar Negara untuk bertindak sebagai "duta-duta kecil" Malaysia bagi membantu menyebarkan jawapan balas kepada fakta putar belit yang dilakukan oleh media-media asing.

7. Melalui usaha-usaha di atas, Kementerian Luar Negeri berupaya memantau dan menangani laporan-laporan negatif yang diterbitkan secara berkesan di dalam media-media asing di luar negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' FAUZI BIN
ABDUL RAHMAN [Indera Mahkota)**

SOALAN : 463

YB Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang seharusnya diambil untuk memastikan bahawa setiap jawatan yang sangat penting dan berprofil tinggi di dalam pentadbiran seperti jawatan Ketua Hakim, Peguam Negara, Ketua Polis Negara memiliki tatacara "check and balance" agar mereka benar-benar dapat memberi perkhidmatan yang seadil-adilnya kepada negara Malaysia dan rakyatnya. Adakah Kerajaan akan menimbang menzahirkan mekanismanya.

SULIT

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Jawatan-jawatan seperti Ketua Hakim Mahkamah Persekutuan, Peguam Negara dan Ketua Polis Negara sebenarnya mempunyai tugas, peranan serta bidang kuasa masing-masing, seperti yang telah tertakluk di dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang berkaitan.

Sekian. Terima kasih.